

Kajian Impak Keberkesanan Program I-Kit dan I-KeuNita

Abstrak

Agenda pemerksaan wanita di Malaysia semakin menjadi tumpuan dalam kalangan masyarakat, khususnya golongan wanita sendiri. Berikutan daripada kesedaran yang semakin meningkat ini, dua program khas untuk wanita iaitu Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-Kit) dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNita) telah dilancarkan oleh kerajaan di bawah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW). Program ini merupakan satu inisiatif untuk meningkatkan tahap sosioekonomi wanita dengan menggalakkan wanita melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Konsep inkubator atau handholding (latih dan bimbing) telah diaplikasi sebagai latihan kemahiran dan sebagai sebuah persediaan rapi khusus untuk wanita dan ibu tunggal sebelum memulakan usaha niaga sendiri. Justeru, kertas kerja ini akan menghuraikan sejauhmana program I-Kit dan I-KeuNita memberi impak atau kesan ke atas kualiti hidup peserta dan ekonomi, menganalisis sama ada program I-Kit dan I-KeuNita memenuhi keperluan peserta dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sokongan, mengenalpasti kekuatan dan kelemahan dalam penganjuran program, dan cadangan penambahbaikan kepada program I-Kit dan I-KeuNita. Kajian ini telah menggunakan kaedah secara kuantitatif dan kualitatif iaitu soal selidik, temubual, dan data laporan daripada KPWK. Semenjak program I-Kit dan I-KeuNita diperkenalkan, program ini dilihat banyak membantu wanita dan ibu tunggal dalam meningkatkan tahap kemahiran dan pendapatan. Aspek pengetahuan, kemahiran dan sokongan para peserta turut meningkat selepas program. Kekuatan dan kelemahan turut dapat dilihat dalam kajian yang telah dijalankan. Cadangan penambahbaikan turut dibincangkan menerusi soal selidik dan temubual bersama peserta, pelatih dan penganjur program. Program ini secara tidak langsung menjadi titik tolak dalam pembangunan wanita untuk menceburi bidang ekonomi.

Kata Kunci: I-Kit, I-KeuNita, Keusahawanan Wanita, Sosioekonomi Wanita.